

Hasil pertanian RM10,000 dirampas

**KPDHEP rampas
ghost smoke di
sebuah kedai di
Bukit Mertajam**

ROSLINDA HASHIM &
MOHD ISKANDAR
OTHMAN

BUKIT KAYU HITAM

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Marqis) Kedah semalam merampas hasil pertanian bernilai lebih RM10,000 yang cuba diseludup masuk ke Malaysia di laluan kargo Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam.

Pengarahnya, Lily Rosalind Paul Pakianathan berkata, pemeriksaan ke atas sebuah lori ketika operasi kira-kira jam 9.30 malam itu ada mendapati muatan hasil sayuran termasuk cili, mangga, keladi, halia dan daun limau purut itu.

Barangan pertanian terbit dibawa masuk tanpa dokumen sah seperti permit import atau sijil fitosanitasi.



Antara hasil pertanian yang dirampas ketika operasi di laluan kargo Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam semalam.

"Kesemua barangan itu ditahan dan syarikat pengimport bakal dikenakan kompaun kerana tiada dokumen sah," katanya melalui kenyataan media semalam.

Lily Rosalind berkata, penahanan itu bertujuan mengawal kemasukan serangga perosak dan penyakit yang boleh menjejaskan industri pertanian negara.

"Kegagalan mematuhi peraturan import boleh dikenakan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Perkompaunan Kesalahan) 2019.

"Perbuatan mengimport barangan tanpa per-

mit sah juga suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728)," katanya.

Mereka yang disabit kesalahan boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) dan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu di **Bukit Mertajam Pulau Pinang**, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang merampas 14 paket gula-gula ghost smoke di sebuah kedai runcit kira-kira jam 10 pagi Bukit Tengah semalam.

Ketua Bahagian Penguatkuasa, Chin Ching Chung berkata, kesemua produk yang disita disyaki menggunakan perihal dagangan palsu dan meragukan.

"Siasatan lanjut akan dijalankan bagi mengesan pembekal produk tersebut," katanya melalui kenyataan semalam.

Chin Chung berkata, sejak 23 Julai sehingga kini KPDNHEP Pulau Pinang telah mencatatkan 59 pemeriksaan premis untuk produk Ghost Smoke Cool Fruit Powder.

Katanya, pemeriksaan dijalankan di semua peringkat termasuk pemborong, peruncit dan serta penjaja di sekitar kawasan sekolah di seluruh negeri.

Menurutnya, kes tersebut akan disiasat di bawah Seksyen 5 (1) (b) Akta Perihal Dagangan 2011 dan jika sabit kesalahan peniaga boleh didenda tidak lebih RM250,000 bagi satu pertubuhan perbadanan.

Gula-gula berkenaan tular dalam kalangan pengguna media sosial khususnya ibu bapa yang khuatir dengan soal keselamatan makanan itu yang menghasilkan kesan asap seperti menghisap rokok elektronik apabila dimakan.